

Kerajaan sentiasa pantau MALBATT di Lubnan

Kuala Lumpur: Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan sentiasa memantau keadaan Pasukan Batalion Malaysia (MALBATT) 850-11 yang sedang menjalankan misi pengaman di selatan Lubnan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pihak Kementerian Pertahanan juga berhubung dengan petugas di sana hampir setiap hari bagi memastikan keberadaan dan keselamatan semua anggota yang terbabit.

“Kita terikat dengan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) serta pendirian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan setakat ini Duta Besar (Malaysia ke Lubnan, Azri Mat Yacob) masih di Beirut memantau keadaan.

“Ada yang menggesa kita

menarik balik (membawa pulang pasukan) tetapi pendirian kita bersama dengan UNIFIL dan kita bawa keputusan bersama termasuk Indonesia dan Brunei,” katanya bagi menjawab soalan Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang) dan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PN-Sik) mengenai pasukan pengaman pada sesi penerangan di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar berkata, penukaran penggiliran pasukan MALBATT 850-12 pula dijadualkan berlangsung secara berperingkat mulai 6 hingga 18 November ini.

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia bersama 33 negara penyumbang anggota UNIFIL yang lain telah membuat kenyataan bersama diketuai Poland bagi mengecam tindakan serangan Israel di Lubnan.

BERNAMA